



Laman Media Sosial: Trend Komunikasi Masa Kini

Oleh | Nor Aslamiah Ali
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, MKM

PENGENALAN

Siring dengan peredaran masa yang pantas berubah, perkembangan teknologi maklumat juga semakin hari mengalami rentak perubahan yang pantas. Penggunaan Internet di seluruh dunia bukan sahaja di negara-negara maju malah di kebanyakan negara membangun meningkat dengan pesat dan mempengaruhi gaya hidup masyarakat masa kini. Penggunaan Internet di seluruh dunia amnya dan di Malaysia khususnya telah melalui satu era di mana peningkatan mendadak dan terus berkembang dari tahun ke tahun hingga ke hari ini.

Menurut laporan Internet World Stats bagi negara-negara Asia yang di kemaskini sehingga 30 Jun 2011 menunjukkan di Malaysia sahaja, pengguna Internet dianggarkan telah menjangkau 16,902,600 pengguna berbanding hanya 3,700,000 pada tahun 2000. Jumlah ini sebenarnya mewakili lebih 58.8 peratus populasi rakyat Malaysia pada tahun 2011. Selain daripada itu, statistik tersebut menunjukkan sebanyak 11,221,040 pengguna Internet di Malaysia berdaftar dengan salah satu laman sosial yang begitu popular ketika ini iaitu Facebook. Secara mudahnya, apa yang kita dapati, rangkaian laman sosial dalam kalangan pengguna Internet di negara kita telah pun menjadi satu budaya yang begitu popular dan diikuti ramai.


Perlu diakui, sememangnya kemudahan capaian Internet di negara kita pada hari ini semakin berada pada kedudukan yang baik tahap kualiti perkhidmatannya dengan dilengkapi pakej-pakej yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dan penyedia perkhidmatan Internet (ISP). Galakan dan sokongan pihak kerajaan juga banyak membantu. Syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan ketika ini saling berlumba-lumba menawarkan pakej-pakej yang sememangnya mampu dimiliki. Salah sebuah syarikat penyedia perkhidmatan iaitu Telekom Malaysia Berhad (TM). Syarikat ini telah melancarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) di mana ia ternyata lebih pantas pada harga berpatutan yang mampu dimiliki semua orang.



Ini telah menggalakkan lagi penggunaan Internet dalam kalangan rakyat Malaysia. BuddeComm, sebuah pengendali penyelidikan telekomunikasi yang menjalankan penyelidikan telekomunikasi di seluruh dunia, dalam kajian mereka mendapati di Malaysia ketika ini seramai 5 juta pengguna telah melanggan talian tetap, 5.50 juta melanggan perkhidmatan *broadband* dan 37.5 juta pula melanggan perkhidmatan telefon 3G.

Kewujudan Internet sebagai media baru pada hari ini sudah menjadi salah satu komponen utama dalam kehidupan sehari-hari kita dan akan menjadi lebih penting lagi pada masa akan datang. Melalui teknologi tanpa sempadan ini, segala maklumat yang diperlukan kini hanya berada di hujung jari. Rangkaian media sosial pula telah mengubah cara kita berkomunikasi kerana ia bergerak tanpa sempadan atau batasan waktu walau di mana sahaja kita berada. Perhubungan sesama manusia di seluruh dunia melalui komunikasi elektronik tanpa mengira batas fizikal dan sosial ini digambarkan sebagai "death of distance". Maka wujudnya masyarakat maya yang bergerak secara dalam talian atau *online*.

digunakan juga oleh kementerian-kementerian serta agensi kerajaan, koperasi dan juga penjawat awam sebagai salah satu media baru untuk menyampaikan maklumat terkini dan sebagai cara mendekatkan diri kepada masyarakat mahu pun pelanggan mereka. Syarikat swasta dan korporat tempatan juga kini telah memberikan perhatian serius kepada kepentingan rangkaian sosial dalam mengembangkan perniagaan serta perkhidmatan mereka, malah menubuhkan perkhidmatan pelanggan mereka melalui Twitter dan juga Facebook. Dengan pengguna Internet tempatan yang bertambah, ia dapat menunjukkan bahawa rangkaian laman sosial merupakan suatu medium baru untuk berkenalan, bersosial, dan juga berkomunikasi.



+ Revolusi Media Baru

Sedar ataupun tidak, bersedia ataupun belum, kita semua sebenarnya sudah berada di pintu gerbang revolusi media yang menggabungkan pelbagai platform media sosial yang telah pun bermula dan akan terus mengubah corak hidup masyarakat dunia pada hari ini dalam berkomunikasi antara satu sama lain. Laman rangkaian sosial seperti Facebook, Twitters, Friendster, MySpace, Blogspot, YouTube, Flickr adalah contoh-contoh media sosial yang sangat tinggi penggunaannya pada masa kini. Seakan telah menjadi satu kemestian bagi pengguna Internet hari ini untuk melayari laman rangkaian sosial ini untuk mereka berkomunikasi, bertukar-tukar pandangan, berkongsi pendapat dan minat, memuat naik dan memuat turun video atau gambar di samping membincangkan isu-isu semasa secara santai dan terbuka.

Di Malaysia, penggunaan rangkaian laman sosial bukanlah sesuatu yang baru. Hari ini, ia bukan sahaja popular dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah atau universiti dan golongan muda malah turut

Rajah 1: Penembusan Rangkaian Sosial Global Pada Tahun 2011

Melalui data yang dikongsikan di dalam Global Web Index (<http://globalwebindex.net/>) menunjukkan kedudukan pengguna Internet dalam Malaysia di kalangan negara rantau Asia Tenggara adalah antara pengguna yang paling aktif menggunakan laman rangkaian sosial selepas Filipina dan Indonesia. Kajian yang dilakukan pada tahun 2011 mendapati lebih daripada 11.5 juta pengguna rangkaian sosial di Malaysia lebih berminat menggunakan rangkaian sosial untuk berkongsi kandungan antara satu sama lain iaitu sebanyak 63%, menghantar dan menerima mesej sebanyak 54%. Manakala 41% pengguna laman sosial di Malaysia gemar menyertai dan membuat kumpulan selain membuat pengiklanan di laman rangkaian sosial.

Laman rangkaian sosial Facebook berada di tangga teratas sebagai laman web yang kerap dikunjungi daripada 1,000 laman web dengan lebih 880 juta pengunjung dan Twitter dengan 60 juta pengunjung sehingga April 2011 berdasarkan Sumber Google



Ad Planner. Apa yang pasti, laman rangkaian sosial mula mendominasi carta dari segi jumlah pelawat yang melayari alam siber dan dunia komunikasi maya. Sehingga kini dikatakan lebih 150 laman rangkaian sosial yang aktif digunakan di seluruh dunia. Antara yang popular ialah Facebook, Twitter, LinkedIn, MySpace dan Friendster.

+ **Friendster** ► ►

Friendster merupakan sebuah laman web rangkaian sosial. Ia berpusat di Morgan Hill, California. Friendster mempunyai lebih 115 juta pengguna berdaftar dan lebih 61 juta pelawat unik sebulan. Ia adalah antara 600 laman laman global terkemuka berdasarkan trafik web pada laman tersebut.


+ **Facebook** ► ►

Laman rangkaian sosial ini telah dilancarkan pada bulan Februari 2004 yang dimiliki oleh Facebook, Inc. Ia telah diasaskan oleh Mark Zuckerberg. Sehingga kini Facebook mempunyai lebih daripada 500 juta pengguna aktif yang mewakili individu, organisasi, pertubuhan dan apa sahaja yang boleh digunakan untuk berhubung dengan orang lain.

Selain yang dinyatakan di atas, laman rangkaian sosial popular lain ialah Digg, Orkut, Badoo, StumbleUpon, Ning, Netlog, MeetUp, Xanga, Habbo, Zorpia dan Classmates. Kini terdapat juga laman rangkaian sosial yang dibangunkan sendiri di Malaysia seperti Ikon.MY, Faces.MY, Aper.MY, eKawan, yang mana menggunakan media Bahasa Malaysia selain membawakan pelbagai fungsi rangkaian sosial asas.

+ **Twitter** ► ►

Twitter adalah sebuah laman web yang dimiliki dan dikendalikan oleh Twitter Inc, yang menawarkan rangkaian sosial dan perkhidmatan *microblogging*. Ia membolehkan pengguna menghantar dan membaca mesej pengguna lain iaitu dipanggil ‘tweets’. Maklumatnya sangat pantas dan mendepani media lain untuk melaporkan sebarang perkembangan.



Rajah 2: Rangkaian sosial yang popular

LinkedIn adalah laman rangkaian sosial berorientasikan perniagaan. Ditubuhkan pada Disember 2002 dan dilancarkan pada Mei 2003, ia digunakan terutama untuk rangkaian profesional. Pada 2 November 2010, LinkedIn mempunyai lebih daripada 80 juta pengguna berdaftar, merangkumi lebih daripada 200 buah negara dan wilayah di seluruh dunia.

+ **MySpace** ► ►

Ibu pejabat MySpace adalah di Beverly Hills, California. Myspace menjadi laman rangkaian sosial paling popular di Amerika Syarikat pada Jun 2006. Menurut comScore, Myspace telah menggantikan pesaing utamanya Facebook di peringkat antarabangsa pada April 2008.

MANFAAT PENGGUNAAN LAMAN RANGKAIAN SOSIAL

Memiliki akaun sendiri di dalam rangkaian laman sosial kini hampir menjadi suatu kemestian bagi setiap pengguna Internet. Ditambah pula dengan kewujudan gajet-gajet semasa yang menyediakan aplikasi-aplikasi khas membolehkan penggunanya sentiasa berhubung walau di mana sahaja berada. Antara manfaat dari penggunaan ialah:

- 1. Merapatkan penglibatan rakyat dengan kerajaan.** Dengan adanya Facebook atau Twitter, segala maklumat dan info terkini lebih pantas untuk disebarluaskan dan mudah untuk dicapai oleh pengguna Internet. Sumber daripada Unit Pemodenan dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menjelaskan sehingga 8



Kementerian / Agensi	Social Media						
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	●		●		●	●	
Kementerian Belia dan Sukan	●		●		●	●	
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	●		●	●	●	●	
Kementerian Pertahanan	●		●	●	●	●	
Jabatan Perdana Menteri			●		●	●	
Jabatan Perkhidmatan Awam	●				●		
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	●		●		●		
Pejabat Perdana Menteri			●		●		
Pusat Pungutan Zakat	●		●	●	●		
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	●						

Rajah 3: Antara kementerian atau agensi yang mempunyai laman rangkaian sosial

Jun 2011, terdapat sebanyak 107 buah agensi kerajaan telah membangunkan dan menggunakan 70 Facebook, 19 Youtube, 36 Twitter dan 23 Blogs serta 4 Flickr. Ini menunjukkan kerajaan juga telah mengambil langkah yang proaktif untuk menjadikan laman rangkaian sosial ini sebagai media baru untuk berkomunikasi dan menyebarkan maklumat kepada rakyat seiring dengan peredaran masa.

Sehubungan dengan itu, MAMPU juga telah mengeluarkan Surat Arahann Ketua Pengarah MAMPU berkaitan "20 Amalan Terbaik Dalam Penggunaan Jaringan Media Sosial Di Sektor Awam" sebagai panduan agar tidak berlaku penyalahgunaan yang boleh menjelaskan imej perkhidmatan awam dan kerajaan.

2. Sebagai alat untuk menyampaikan maklumat, ideologi, mencari ahli seterusnya sebagai penggerak. Koperasi Sahabat Interaktif Malaysia (KOSIM) merupakan koperasi *online* pertama di Malaysia. Koperasi ini menggunakan Facebook dan blog untuk menyebarkan maklumat dan menarik individu-individu menjadi anggota koperasi. Komuniti koperasi ini diwujudkan dalam laman rangkaian sosial Facebook. Semuanya dilakukan secara *online*.

3. Sebagai alat pemasaran. Facebook sebagai alat pemasaran paling murah kerana ia adalah percuma untuk mengiklankan barang,

mempromosi produk maupun servis terkini. Malah promosi melalui Facebook dilihat sebagai alat pemasaran yang amat berkesan kerana ianya boleh berkembang dan membina satu rangkaian dan komuniti bisnes yang besar. Tanpa sedar kita boleh 'buat duit' dengannya. Maklumbalas daripada pelanggan seperti pertanyaan dan komen juga dapat dilakukan dalam masa nyata. Disertai juga kemampuan interaktivitinya seperti menyediakan kandungan bergambar, video dan seumpamanya merupakan kelebihan terbesar laman sosial ini sebagai platform pemasaran yang berkesan dan beroperasi sehingga 24 jam sehari.

4. Sebagai alat dakwah dan penyebaran maklumat.

Dakwah pada era ini tidak lagi terbatas tetapi perlu disebarluaskan tanpa sempadan lokasi, masa dan lapisan masyarakat. Peranan laman rangkaian sosial untuk memberi dakwah kepada golongan remaja khususnya adalah sebagai satu cara yang berkesan kerana golongan inilah yang gemarkan gajet-gajet teknologi sebagai pelengkap interaksi sosial mereka seperti Facebook, Twitter dan juga Myspace. Dengan hanya menghantar sepotong hadis dan huraian ringkas melalui komputer atau telefon bimbit, ia boleh sampai kepada seramai mungkin orang di dunia. Ini dilihat sebagai satu pendekatan dakwah alaf baru.

5. Menghubungkan silaturrahim antara rakan-rakan lama dan baru.

Penggunaannya dapat mengeratkan persahabatan yang telah terjalin dengan rakan-rakan yang dikenali maupun hanya dikenali di alam siber sahaja. Ia juga dapat 'menjejak kasih' teman-teman lama dari serata dunia. Ada juga sehingga bertemu jodoh melaluiinya. Ada yang menganggap memiliki akaun Facebook adalah satu perkara yang wajib dan menghabiskan masa di depan komputer untuk melayari laman sosial ini sehingga 12 jam sehari.

6. Menghilangkan tekanan (stress) bekerja dan mengisi kekosongan jiwa.

Salah satu cara untuk mengatasi masalah ini ada yang



The screenshot shows the Koperasi Sahabat Interaktif Malaysia (KOSIM) Facebook page. At the top, there's a search bar and a 'Share' button. Below the header, there are tabs for Wall, Info, Photos, Discussions, and Events. A text input field says 'Write something...' with an 'Attach' button and a 'Share' button. Below this, it says 'Koperasi Sahabat Interaktif Malaysia (KOSIM) + others' and 'Just Koperasi Sahabat Interaktif Malaysia (KOSIM) Just others'. A status update from 'Koperasi Sahabat Interaktif Malaysia (KOSIM)' discusses a task fair on Saturday, November 27, 2010. A post from 'Ibnu Hassan' is also visible.

Rajah 4: Laman facebook KOSIM

memilih untuk berkomunikasi melalui Facebook. Ia juga menjadi alternatif kepada mereka yang anti-sosial yang tidak gemar ke tempat hiburan untuk bersosial. Mereka boleh bergosip, menonton video, bermain *games*, membelek gambar-gambar idola seperti artis yang dikongsikan melalui Facebook.

PANDUAN PENGGUNAAN LAMAN RANGKAIAN SOSIAL

Selain daripada manfaat penggunaan laman rangkaian sosial yang dibincangkan, kita juga perlu berwaspada dengan serangan-serangan negatif daripada penggunaannya. Kecanggihan teknologi dan perkhidmatan yang disediakan menambahkan lagi keghairahan pengikut setia laman web sosial untuk terus berhubung antara satu sama lain. Terdapat juga sesetengah individu yang kadangkala gagal mengawal diri dan seolah-olah "ketagih" dengan laman sosial yang disertai mereka. Mereka mampu untuk melayari laman web dan mengemaskini akaun mereka sehingga 12 jam sehari.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil seperti:

- ↪ Berhati-hati dalam memilih dan menerima kenalan yang ditemui dalam rangkaian sosial.

- ↪ Tidak mudah percaya dengan identiti yang dipaparkan kerana terdapat pelbagai kes identiti palsu melibatkan orang yang baru dikenali. Ini boleh membuka jalan kepada berlakunya pelbagai jenayah seperti kes rogol, rompak dan penipuan.
- ↪ Tidak sesekali klik pada pautan atau menerima dan memasang perisian yang diterima daripada orang yang tidak dikenali.
- ↪ Fungsi privasi juga perlu diaktifkan pada akaun rangkaian sosial (sekiranya ada) yang digunakan untuk mengawal kumpulan individu tertentu daripada melihat maklumat penuh atau gambar-gambar milik pengguna-pengguna yang boleh dijadikan bahan ugutan.
- ↪ Hati-hati ketika meletakkan mesej dan gambar yang boleh memberikan petunjuk kepada identiti atau lokasi sebenar pengguna.
- ↪ Sentiasa peka dan mengambil langkah keselamatan seperti tidak sesekali mendedahkan maklumat peribadi seperti nama penuh, alamat rumah, nombor kad kredit, nombor pin, kata laluan pekerjaan, identiti majikan, maklumat kewangan dan sebagainya di mana-mana aplikasi rangkaian sosial.



Kesimpulan

Rangkaian sosial adalah satu fenomena yang tidak dapat dielakkan. Penggunaan laman sosial begitu berperanan penting kepada masyarakat kita pada hari ini. Hakikatnya, kewujudan rangkaian laman sosial dalam masyarakat kita hari ini secara sedar atau tidak sedar, mempunyai kesan dan pengaruh positif dan negatifnya sendiri. Baik atau buruk kesan

yang mungkin timbul daripadanya bergantung kepada kebijaksanaan pengguna itu sendiri dalam menggunakan sesuatu teknologi itu. Isu sebenar adalah bagaimana kita menggunakannya. Jika kita gunakan untuk kebaikan, ia akan memberi kebaikan kepada kita. Kita yang menentukan kegunaan 'facebook' ataupun 'teknologi' tersebut. Menidakkan kemudahan tersebut bermakna kita tidak merebut 'peluang' yang ada.

Rujukan

- <http://www.malaysia.gov.my/BM/Pages/SosialMedia.aspx>
- <http://info-ict.blogspot.com/>
- <http://www.Internetworldstats.com/stats3.htm#asia>
- <http://www.globalwebindex.net>
- <http://www.alexa.com/topsites/countries;0/MY>
- <http://www.budde.com.au/Research/Countries/Malaysia/>